

**Parlimen: Dewan Rakyat Lulus Usul Pemansuhan Tiga Proklamasi Darurat  
Bernama  
24 November , 2011**

KUALA LUMPUR, 24 Nov (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat Khamis meluluskan usul memansuhkan tiga Proklamasi Darurat yang diisytiharkan pada tahun 1966, 1969 dan 1977.

Usul itu diluluskan pada 4 petang apabila bacaan kali pertama oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz menyaksikan lebih suara menyokong.

Pada sesi persidangan pagi tadi, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak membentangi usul supaya tiga proklamasi yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan itu dibatalkan selepas keadaan darurat dan ancaman keselamatan tidak lagi wujud.

Ketika membahas usul itu, anggota-anggota Dewan termasuk Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim rata-ratanya menyokong pemansuhan proklamasi itu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=629577>